

Sinar Harian (Kampus Pkg) Sabtu 4/7/09 m/s PJC

UMP terima 1,760 penuntut baru

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Seramai 1,760 penuntut baru mendaftar di kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang bagi sesi pengajian 2009/2010, 28 Jun lalu.

Daripada jumlah itu, 1,504 mengikuti program ijazah sarjana muda, manakala 256 bagi program diploma.

Sementara itu, UMP buat julung kali menerima 52

penuntut antarabangsa sejak beroperasi pada sesi 2002/2003.

Selain itu, universiti itu menerima lima pelajar lepasan Maahad Tahfiz Negeri untuk menyambung pengajian di situ dalam jurusan Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) dan Diploma Kejuruteraan Awam.

Naib Canselornya, Prof Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, jumlah pengambilan penuntut baru itu adalah tertinggi sejak penubuhannya.

Menurutnya, pertambahan sebanyak lapan peratus berbanding tahun lalu ber-

ikutan pertambahan jumlah program ditawarkan, selain memenuhi keperluan negara dalam pembangunan modal insan sejajar perancangan strategik UMP.

"Pada sesi ini, kami juga menawarkan tambahan lima program baru di peringkat ijazah sarjana muda meliputi bidang sains, kejuruteraan dan sains komputer.

modal insan

"Antaranya Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia), Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Bioteknologi Industri, Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik, Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Biomekanikal dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kejuruteraan Industri," katanya ketika ditemui, di sini.

Bagi penuntut baru, Amar Yasir Bahrain, 18, dia seronok terpilih mengikuti Diploma Kejuruteraan Awam dan Sumber Asli di situ.

"Saya dimaklumkan, ini kali pertama UMP me-

nerima bekas pelajar Maahad Tahfiz Negeri untuk mengikuti pengajian di sini.

"Walaupun bermula di peringkat diploma, tetapi saya tidak rendah diri kerana ia adalah peluang untuk membuktikan kemampuan belajar dalam bidang jurutera dan dalam masa sama sebagai seorang tahfiz," katanya.

Penuntut berasal dari Dungu, Terengganu, Siti Marini Saad, 20, berkata, kesusahan keluarga tidak menghalangnya untuk mencapai cita-cita sebagai seorang jurutera.

Anak kesepuluh daripada 11 adik-beradik itu berkata, dia berazam mahu belajar bersungguh-sungguh bagi membantu keluarganya.

Penuntut Kolej Matrikulasi Johor itu mengambil Ijazah Kejuruteraan Awam dengan Persekitaran.

"Saya memang meminati bidang kejuruteraan dan peluang melanjutkan pengajian di UMP akan dimanfaatkan sebaiknya," katanya.